

# Sukan bola tampar eratkan staf Pentadbiran dan SSIL

UB 12-4-2014 A15

LABUAN : Kakitangan Bahagian Pentadbiran / Pejabat Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah mengadakan perlawanan bola tampar persahabatan dengan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), di gelangang bola tampar universiti itu, Khamis lalu.

Pasukan Pentadbiran diketuai Penolong Pendaftar, Taufek Abd Latif manakala SSIL diterajui Dekannya, Prof. Madya Dr. Ag Asri Ag Ibrahim.

Antara yang menganggotai pasukan Pentadbiran ialah Penolong Pendaftar, Sharon Tan, Penolong-penolong Pegawai Tadbir, Mohizam Mohamad, Dayang Norsiah Awg Saman dan Ezawati Pungut.

Pasukan SSIL pula dibarisi Timbalan-timbalan Dekan, Ryan Andrias Macdonnel dan Dr Zamhar Ismail serta Penolong Pegawai Tadbir, Arniwati Abas.

Menurut Taufek yang mewakili Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad

Tuah, perlawanan itu diadakan untuk memastikan kakitangan sentiasa sihat, cergas dan cerdas.

Katanya, kakitangan yang sihat tubuh badan dan otak yang cerdas akan membantu melancarkan lagi urusan pentadbiran kepada warga UMSKAL.

Beliau berkata lebih banyak perlawanan sukan akan diadakan bagi mengeratkan hubungan baik yang sedia terjalin antara pegawai, pensyarah dan kakitangan sokongan.

Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali sentiasa menggalakkan kakitangan membabitkan diri dalam sukan dan menggunakan kemudahan yang disediakan dengan sebaiknya.



TAUFEK (6 kiri) menyampaikan cenderamata kepada Dr Ag Asri pada perlawanan bola tampar persahabatan antara staf Bahagian Pentadbiran / Pejabat Pengarah dengan SSIL, kelmarin.